



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

INTERAKSI LISAN DAN HUBUNGAN ETNIK PELAJAR TINGKATAN SATU

MOHD RADZI BIN NOH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

16.12.2011



MOHD RADZI BIN NOH
M20091000395



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada penyelia disertasi saya, Profesor Madya Dr. Amir Hasan bin Dawi yang telah sudi menerima saya sebagai pelajar seliaannya. Selama berada di bawah penyeliaan beliau, saya telah menimba ilmu yang bukan sedikit dan ianya amat berharga untuk dijadikan panduan dalam kehidupan saya. Ilmu yang telah dicurahkan, sokongan, bimbingan, dorongan dan galakan yang tiada penghujung menambahkan lagi nilai pembelajaran yang dapat saya amalkan di kemudian hari. Ketekalan PM Dr. Amir Hasan dalam memberi panduan dan bantuan membolehkan saya menyiapkan disertasi ini walau pun ia nampak sedikit sukar di peringkat permulaan. Ketekunan beliau telah menjadi inspirasi kepada saya untuk berusaha keras bagi menjadikan disertasi ini sebagai kajian ilmiah yang dapat saya banggakan. Pengalaman luas dan kepakaran beliau dalam bidang Sosiologi Pendidikan benar-benar memberi manfaat kepada saya. Dalam tempoh penulisan disertasi ini, saya berkesempatan mengikuti seminar-seminar penyelidikan yang dianjurkan oleh pihak universiti. Pembentangan penyelidikan berbentuk kualitatif merupakan pembentangan yang sangat relevan dan memberi motivasi kepada saya untuk menghasilkan disertasi yang berkualiti. Saya juga banyak mencari maklumat tambahan dari sumber-sumber yang berbeza. Setiap rujukan telah saya manfaatkan dengan sepenuhnya bagi memenuhi keperluan penulisan disertasi ini. Sebelum mengundur diri, saya ingin menitipkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya, saya diberi biasiswa oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk sampai ke peringkat ini. Tidak lupa juga, ribuan terima kasih kepada bonda tercinta, Hajah Rohayah, isteri tersayang, Syirleen Adlyna dan anak-anak kami; Khayrin Sofiya, Nurin Al-Zahra dan Hannan Nuwairah. Doa kalian adalah kunci kepada kejayaan ini.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Fokus kajian ini ialah untuk mengenal pasti bentuk interaksi lisan dan hubungan etnik yang berlaku antara para pelajar Tingkatan Satu di sekolah. Kajian ini berlandaskan kepada Teori Fungsionalisme dan Teori Interaksionisme Simbolik kerana kedua-dua teori ini merupakan elemen yang penting dalam usaha untuk memastikan para pelajar yang berbilang etnik, agama dan budaya dapat belajar dan hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Para pelajar Tingkatan Satu menjadi kumpulan sasaran dalam kajian ini kerana pada peringkat inilah mereka berhadapan dengan situasi sebenar yang menemukan mereka dengan rakan-rakan dari etnik yang berbeza dan belajar di dalam kelas yang sama. Pengalaman berinteraksi dan berhubung di peringkat sekolah rendah ternyata berbeza dan boleh memberi kesan kepada bagaimana mereka mewujudkan iklim sosial yang dikehendaki di sekolah menengah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menerapkan teknik kajian kes etnografi. Data dikumpul melalui catatan nota lapangan, pemerhatian berperingkat dari bulan Januari sehingga April 2011, temu bual dengan pelajar dan temu bual dengan guru. Kajian ini mencatatkan segala yang berlaku di dalam lapangan, iaitu di dalam dan di luar bilik darjah. Analisis kajian dilakukan secara verbatim dengan menggunakan proses triangulasi yang menggabungkan semua data. Untuk mengukuhkan dapatan kajian, transkripsi temu bual telah dibahagikan mengikut tema agar menepati kehendak soalan-soalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa interaksi lisan dalam kalangan pelajar Tingkatan Satu yang berbeza etnik tidak berlaku dengan kerap dan hanya terjadi apabila ada keperluan untuk berbuat demikian, khususnya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Malah, ianya terhad di dalam bilik darjah sahaja. Hubungan etnik yang terbina adalah tidak rapat dan masih mempunyai ruang yang memisahkan mereka daripada sentiasa bergaul. Fenomena ini menunjukkan bahawa interaksi etnik tidak berlaku secara semula jadi. Pengasingan etnik terus berlaku melalui entiti sekolah yang berasaskan kepada pelbagai faktor dalaman dan luaran sekolah. Kajian ini mengusulkan supaya pihak sekolah dapat menganjurkan program-program yang boleh mengeratkan hubungan etnik dan mengukuhkan interaksi lisan dalam kalangan pelajar Tingkatan Satu.





ABSTRACT

Oral Interaction and Ethnic Relation of Form One Students

The focus of this study is to identify the pattern of oral interaction and ethnic relation among Form One students in school. This study is based on two theories, namely the Theory of Functionalism and Theory of Symbolic Interactionism. These two theories are important in order to make sure that students from different ethnic groups, religions and cultures can learn and live in harmony. The Form One students are the target group of this study because at this level, they confront the real situation which allows them to meet friends from other ethnic groups and together, they learn in the same class. In primary school, the experience of oral interaction is very different and it affects their ways of interacting in secondary school. The ethnography method is used in this qualitative study. The data were gathered from field notes, three stages of observations from January to April 2011, interviews with the students and as well as the teachers. This study recorded every single incident which happened inside and outside the classroom. This study's analyzing process was done using the verbatim method, including triangulation which merged the data. To strengthen the findings of this study, the interviews transcripts were also segregated according to the theme to ensure that they comply with the questions of the study. The findings of this study portray that oral interaction among the multi ethnic Form One students do not take place regularly. It only happens when there is a need to do so, especially during the teaching and learning sessions. Meanwhile, the bond of ethnic relation among the students is not solid and still, there is a big gap which keeps them apart. As a result, they do not mix with friends from other ethnic groups. This phenomenon shows that oral interaction among multi ethnic students is not being practiced naturally. Ethnic segregation is obvious through the entity of school which is based on the internal and external factors. Thus, this study suggests that schools should organize more programmes which can contribute to a stronger ethnic relation and strengthen the oral interaction among the Form One students.



KANDUNGAN

| | |
|-------------|-----|
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |

BAB 1 PENDAHULUAN

| | |
|---------------------------|----|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian | 11 |
| 1.5 Soalan-soalan Kajian | 11 |
| 1.6 Signifikan Kajian | 12 |
| 1.7 Kerangka Konseptual | 13 |
| 1.8 Konsep dan Istilah | 15 |
| 1.9 Rumusan | 20 |



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | |
|--|----|
| 2.1 Pengenalan | 21 |
| 2.2 Kumpulan Etnik | 22 |
| 2.3 Kumpulan Ras | 24 |
| 2.4 Ras dan Etnik di Malaysia | 27 |
| 2.5 Sistem Pendidikan | 30 |
| 2.6 Sekolah Wawasan | 33 |
| 2.7 Sejarah Pendidikan Masyarakat Pelbagai Etnik | 37 |
| 2.8 Pendidikan Sebelum Merdeka | 40 |
| 2.9 Kajian-kajian Interaksi Etnik di Malaysia | 44 |
| 2.10 Kajian Polarisasi Etnik di IPTA Malaysia | 48 |
| 2.11 Kajian Etnik di New Brunswick, Kanada | 49 |
| 2.12 Kajian Memperkasakan Sekolah Kebangsaan | 57 |
| 2.13 Pendekatan Teori | 60 |
| 2.13.1 Teori Fungsionalisme dan Interaksionisme Simbolik | 62 |
| 2.13.2 Teori Konflik | 72 |
| 2.13.3 Teori Feminisme | 74 |
| 2.13.4 Teori Pertukaran (<i>Exchange Theory</i>) | 76 |
| 2.14 Rumusan | 77 |





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | |
|---|-----|
| 3.1 Pengenalan | 78 |
| 3.2 Metodologi Kajian-kajian Etnik | 79 |
| 3.3 Reka Bentuk Kualitatif Dalam Kajian | 87 |
| 3.4 Teknik Pengumpulan Data | 90 |
| 3.5 Peserta Kajian | 94 |
| 3.6 Tempat Kajian | 97 |
| 3.7 Tempoh Masa di Lapangan | 98 |
| 3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan | 99 |
| 3.9 Batasan Kajian | 102 |



BAB 4 PERBINCANGAN DATA PEMERHATIAN

| | |
|---|-----|
| 4.1 Pengenalan | 103 |
| 4.2 Peringkat Pemerhatian | 105 |
| 4.3 Pemerhatian Permulaan (1-8) | 106 |
| 4.4 Pemerhatian Pertengahan (9-16) | 128 |
| 4.5 Pemerhatian Peringkat Akhir (17-24) | 151 |
| 4.6 Pemerhatian Informan-informan | 170 |
| 4.7 Bentuk Interaksi Informan | 173 |
| 4.8 Perbincangan Data Temu Bual | 175 |
| 4.9 Rumusan | 215 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

| | |
|---|-----|
| 5.1 Pengenalan | 220 |
| 5.2 Bentuk Interaksi Lisan dan Hubungan Etnik Pelajar Ting. 1 | 220 |
| 5.3 Implikasi Kajian | 226 |
| 5.4 Peranan Sekolah | 229 |
| 5.5 Peranan Keluarga dan Masyarakat | 230 |
| 5.6 Cadangan-cadangan | 232 |
| 5.7 Rumusan | 233 |
| 5.8 Penutup | 234 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

| | |
|------------|-----|
| Rujukan | 237 |
| Lampiran 1 | 248 |
| Lampiran 2 | 249 |
| Lampiran 3 | 250 |
| Lampiran 4 | 251 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang etnik atau dikenali juga dengan nama masyarakat majmuk. Ini adalah rentetan daripada sistem penjajahan British sebelum merdeka yang telah mengubah struktur sosiopolitik masyarakat Melayu tradisi. Dasar kemasukan imigran dari China dan India secara besar-besaran bagi membangunkan ekonomi Tanah Melayu telah menjadikan negara ini sebagai tumpuan. Furnivall (1974) mendefinisikan masyarakat majmuk sebagai masyarakat yang tinggal sebelah menyebelah dalam satu unit politik yang sama tetapi dalam beberapa hal, hidup mereka terpisah. Lebih menyulitkan keadaan, pentadbiran British telah mengamalkan dasar pecah dan perintah terhadap masyarakat majmuk



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Tanah Melayu. Di antara polisi pemerintahan ini ialah masyarakat dibahagikan mengikut faktor pengkhususan pekerjaan, tempat tinggal, pemisahan dan pemencilan.

Kewujudan pengkhususan ekonomi dan pengasingan tempat tinggal di kalangan kumpulan etnik bukan saja mengurangkan peluang-peluang perhubungan di antara mereka malahan mengukuhkan prasangka etnik atau etnosentrisme dalam diri masing-masing. Menurut Sanusi Osman (1991), pengasingan tempat tinggal mengikut kumpulan etnik ini membolehkan setiap anggota kumpulan memelihara kepentingan kumpulan sendiri daripada kumpulan lain. Di samping itu, setiap anggota masyarakat mempunyai kepercayaan agama, budaya, bahasa dan cara hidup tersendiri. Perbezaan ini bukan saja menyukarkan proses pembentukan identiti nasional, malah menimbulkan banyak konflik dan pertentangan yang kadang kala begitu sukar untuk diselesaikan (Lukman Z. Mohammad & Khaidzir Hj Ismail, 2003). Setelah dijah

selama hampir dua abad oleh kuasa kolonial British, negara kita bukan sahaja berasaskan mewarisi sistem politik dan pentadbiran Inggeris, tetapi juga sistem pendidikan mereka. Setelah lebih 50 tahun merdeka, beberapa perubahan telah dilakukan di dalam sistem pendidikan kita seperti memperkemaskan sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British sejak sekian lama. Di antaranya ialah membina falsafah pendidikan negara yang berdasarkan Malaysia melalui pengenalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1980-an. Namun begitu, sebahagian besar sistem pendidikan seperti dasar pendidikan, struktur organisasi dan aktiviti institusi masih lagi mengekalkan konsep pendidikan penjajah.





Dalam aspek perpaduan dalam pendidikan, para pelajar Tingkatan Satu dari etnik-etnik yang berbeza mempunyai kecenderungan untuk bergaul dalam kelompok etnik yang sama. Secara amnya, ia berlaku kerana tempoh seseorang pelajar di Malaysia perlu berada di bangku sekolah ialah sebelas tahun iaitu enam tahun di sekolah rendah dan minimum lima tahun di sekolah menengah. Bagi para pelajar yang tamat persekolahan sehingga Tahun Enam di sekolah rendah, kenaikan mereka ke Tingkatan Satu pada tahun berikutnya merupakan satu pengalaman yang sangat menarik kerana semua pelajar berasal dari etnik dan latar belakang yang berbeza dan bakal mencari titik pertemuan untuk membolehkan mereka berinteraksi, khasnya interaksi lisan dan membina hubungan etnik yang dapat mengukuhkan perpaduan.

1.2 Latar Belakang Kajian



Visi, misi dan objektif pendidikan sesebuah negara yang jelas dan mantap merupakan elemen penting dalam pembentukan insan dalam sesebuah negara. Usaha yang berterusan adalah perlu untuk mengeratkan hubungan rakyat yang bersifat majmuk atau pelbagai etnik seperti Malaysia. Sistem pendidikan yang ada di sesebuah negara boleh menjadi salah satu cara memupuk perpaduan, membina hubungan etnik dan berinteraksi secara lisan dalam usaha mewujudkan perhubungan secara harmoni di antara pelbagai etnik. Sekolah ialah sebuah organisasi pendidikan di mana kebanyakan kaum atau etnik berada di bawah satu bumbung yang sama dan ini merupakan satu pentas terbaik untuk para pelajar berinteraksi secara lisan dan membina hubungan etnik yang kukuh. Di sekolahlah pelbagai kaum atau etnik dapat mempelajari nilai-nilai murni sesuatu kaum yang lain dan seterusnya menghayati





proses perpaduan secara keseluruhan. Tanpa mengambil kira mana-mana konteks, Berger (2005) menyatakan bahawa, jika proses ini tidak dapat dilaksanakan di sekolah, ketidakselesaan sosial akan berlaku di mana jurang interaksi di antara etnik akan semakin melebar. Melalui pendidikan, persefahaman yang padu dapat dibina sebagaimana yang diharapkan oleh sekolah, masyarakat dan negara.

Sekolah merupakan salah sebuah institusi yang mampu menjadi agen berkesan ke arah menyatupadukan para pelajar pelbagai etnik di negara ini. Menurut Ballantine (2001), sekolah adalah tempat untuk bersosialisasi, mendidik pelajar untuk menjadi ahli masyarakat yang produktif, sebagai tempat untuk berlakunya perubahan budaya, tempat untuk mengawal dan mengembangkan potensi diri dan sebagai tempat untuk menilai kedudukan seseorang dalam masyarakat. Dalam hal ini, sekolah perlu memainkan peranannya untuk meletakkan agenda perpaduan sebagai matlamat utama

05 ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, aman dan sejahtera Di Malaysia, ptbupsi

pelajar Tingkatan Satu adalah mereka yang berusia sekitar tiga belas atau empat belas tahun. Pada usia awal remaja seperti ini, seseorang pelajar itu akan cuba untuk menilai dan meletakkan diri mereka dalam sistem sosial sesbuah masyarakat (Adler & Adler, 1998). Hubungan rapat di antara pelajar pelbagai etnik sangat penting kerana ia memberi peluang kepada mereka untuk menyesuaikan diri dengan situasi baru dan membina asas perpaduan dan kepercayaan yang kukuh di antara mereka. Menurut Rizzo & Corsaro (1995), rasa muhibah, tolak ansur dan berbaik sangka akan menimbulkan suasana hormat menghormati sesama mereka. Justeru, pelbagai aktiviti dan kegiatan telah dilaksanakan di sekolah bagi mewujudkan peluang kepada pelajar pelbagai kaum untuk berinteraksi secara lisan demi memupuk perpaduan kaum.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
5

Secara kolektifnya, semua pihak bertanggungjawab untuk menjana pembentukan masyarakat yang bersatu padu dan saling memahami di antara satu dengan yang lain.

Masa remaja ialah masa yang boleh menjadi faktor penentu kepada pembinaan hubungan etnik yang kukuh. Menurut Flavel et. al. (2002), umur adalah aspek latar belakang sosial yang penting kerana adakalanya umur mempunyai pengaruh dalam konteks sikap yang dikaji. Berbanding dengan zaman kanak-kanak (khasnya 7 hingga 10 tahun), kesedaran mengenai kelompok etnik masih belum ketara lagi. Suizzo (2000), menyatakan bahawa proses pensosialan remaja adalah secara beransur-ansur dan darjah perkembangan sosial itu adalah berbeza walaupun umur adalah sama. Remaja dan rakan sebaya tidak boleh dipisahkan kerana kadangkala, rakan sebaya lah yang memberi sedikit ruang kebebasan dari dikawal oleh orang dewasa atau pihak yang berkuasa ke atas mereka (Davis, 2005). Hubungan etnik dan interaksi lisan dalam kalangan rakan sebaya mampu dicapai kerana rakan sebaya ini melambangkan budaya yang lebih besar dan bertindak sebagai alat yang menyampaikan kehendak sesuatu kumpulan di kalangan mereka (Jaffee & Hyde, 2000).

Remaja perlu dibimbing ke arah membuat perubahan pada sikap dan tingkah laku yang boleh menolong mereka memasuki alam dewasa dengan kefahaman yang realistik mengenai tanggungjawab kepada dunia sosial mereka. Dalam kajian Van Ausdale & Feagin (2001), kefahaman mengenai nilai-nilai etnik dan tingkah laku telah mula berputik di dalam jiwa seseorang bukan pada peringkat awal remaja, tetapi pada usia empat tahun. Oleh itu, kefahaman ini seharusnya sudah menebal ketika mereka di peringkat awal remaja. Ini adalah kerana pada peringkat usia awal remaja inilah merupakan masa peralihan untuk mereka menyesuaikan diri dengan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



persekitaran. Menurut Sherkat (1998), penyesuaian diri merupakan satu proses yang berterusan dan menjadi semakin kritikal pada peringkat awal remaja. Masalah penyesuaian diri akan menyebabkan ketegangan dalam diri golongan ini, biasanya bermula dengan gangguan emosi. Barbalet (2002), telah membuat kajian mengenai penyesuaian diri kanak-kanak dengan faktor-faktor penyumbang kepada penyesuaian diri pada peringkat awal bagi kanak-kanak yang mengalami kegagalan di sekolah. Menurutnya, penyesuaian diri adalah penting bagi pelajar untuk mereka membina satu corak hubungan yang bermakna, positif dan mampu berinteraksi secara lisan dengan orang lain, terutamanya rakan-rakan seusia dari pelbagai etnik. Kajian oleh Shields (2002) pula mendapati, kanak-kanak dan remaja lebih cenderung untuk memilih rakan-rakan dari kaum yang sama berbanding dari kaum yang berlainan. Ia juga menunjukkan bahawa jurang antara kaum dalam pola persahabatan telah meningkat di sekolah menengah berbanding dengan di sekolah rendah. Kajian ini turut mendapati para pelajar yang tinggal di kawasan kejiranan yang mempunyai kaum yang pelbagai lebih memperlihatkan kecenderungan untuk mempunyai rakan yang berlainan kaum.

Walsh (2000) berpendapat, peringkat awal remaja merupakan waktu bagi mereka menghadapi perkembangan peribadi iaitu orang muda mesti memiliki watak, individu yang beridentiti dan perasaan harga diri manakala menurut Eder (2005), remaja yang beridentiti merangkumi perubahan imej, tubuh, pengubahsuaian diri dengan berdasarkan permintaan norma masyarakat dan membentuk tindakan orang dewasa kerana mereka akan mencari jalan sendiri untuk memperolehi identiti diri. Pembentukan sistem nilai akan menyediakan mereka untuk berperanan sebagai orang dewasa. Pada peringkat ini juga mereka akan mengalami perkembangan kognitif yang progresif di samping perkembangan sosial. Kesimpulannya, pengalaman berinteraksi





secara lisan pada usia muda, seawal empat tahun, merupakan satu faktor yang penting dalam menggalakkan interaksi lisan dan membina hubungan etnik yang kukuh.

1.3 Permasalahan Kajian

Para pelajar Tahun Enam dari sekolah rendah pelbagai aliran di Malaysia akan melangkah ke Tingkatan Satu di sekolah menengah pada tahun berikutnya. Bagi mereka, ini merupakan satu pengalaman yang baru kerana mereka akan bersekolah dengan rakan-rakan sebaya dari etnik yang berlainan. Persekutaran sosial yang baru seperti ini menyebabkan para pelajar ini mempunyai kecenderungan untuk bergaul dan berinteraksi secara lisan dengan rakan-rakan yang sama etnik sahaja. Masalah akan timbul kerana tiada hubungan etnik yang berlaku antara mereka dan ini

~~memungkinkan juga timbulnya perasaan etnosentrisme yang akan menggagalkan usaha membentuk persefahaman etnik. Pelajar-pelajar dari etnik berbeza akan hanya berkawan dengan mereka yang sama etnik dan ini merupakan satu senario yang tidak sihat bagi negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia. Jika keadaan di peringkat awal ini tidak diperbetulkan, dibimbangi jurang persefahaman dan perpaduan akan terus melebar dan masyarakat pelbagai etnik akan terus berada di dalam kelompok masing-masing.~~

Menurut Wan Hashim (2011), keadaan ini berakar umbi daripada dasar pemisahan kawasan penempatan, sempadan geografi dan pengkhususan pekerjaan yang telah diamalkan oleh penjajah Inggeris sejak awal abad ke-19 lagi. Dalam kajian yang dijalankan oleh Najeemah Mohd Yusof (2006) mengenai pola interaksi di antara





para pelajar sekolah menengah yang berlainan etnik mendapati, pelajar-pelajar ini begitu cenderung mengamalkan polarisasi sewaktu berinteraksi. Mereka dilihat lebih selesa untuk berinteraksi secara lisan dengan rakan-rakan dari etnik yang sama walaupun mereka melakukan perkara yang sama secara berkumpulan di sekolah. Contohnya, pelajar-pelajar etnik Cina akan membentuk kumpulan mereka sendiri sewaktu melakukan tugas bengkel bagi subjek Kemahiran Hidup tanpa sebarang interaksi lisan dengan rakan-rakan dari etnik lain. Begitu juga dengan para pelajar dari etnik yang lain ketika melakukan pelbagai aktiviti di sekolah. Kajian Najeemah seterusnya menunjukkan interaksi lisan di kalangan para pelajar sukar untuk direalisasikan. Fenomena sosial ini menimbulkan masalah di mana para pelajar tidak bersatu padu dalam erti kata sebenar sebagai seorang rakyat Malaysia yang berbilang etnik. Ikatan perpaduan ini amat longgar dan tidak mungkin mereka dapat memahami aspirasi etnik masing-masing bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni.



Masalah interaksi lisan dan hubungan etnik di kalangan pelajar sekolah perlu dikaji kerana ia menjurus kepada perpaduan nasional. Walaupun terdapat halangan bagi mengukuhkan perpaduan, ia harus ditangani dengan baik . Bagi Mohamad Yusof Ismail (2003), secara dasarnya, halangan interaksi lisan dan hubungan etnik untuk mengukuhkan perpaduan ialah etnik-etnik yang berbeza tinggal di kawasan yang terpisah di antara satu sama lain. Masalah ini disebabkan oleh dasar penjajah British yang menggalakkan ramai pendatang dari India dan China masuk ke Semenanjung Tanah Melayu, bermula pada awal abad ke-19. Keadaan ini diikuti dengan dasar pecah dan perintah yang menyebabkan kelompok etnik utama menjadi terasing dan membawa kepada pembahagian pekerjaan berasaskan etnik. Ia mewujudkan apa yang diistilahkan dalam disiplin sosiologi dan sains politik sebagai ‘masyarakat majmuk’





(Wan Hashim, 2011). Di Malaysia, masalah ini timbul bagi kedua-dua penempatan, bandar dan luar bandar. Bukan itu sahaja, jurang dari segi sosio ekonomi juga sepadan dengan pembahagian penempatan bandar dan luar bandar. Dengan pola penempatan yang sebegini, adalah sukar untuk interaksi lisan berlaku, apatah lagi untuk mewujudkan hubungan etnik yang baik.

Faktor bahasa juga merupakan satu masalah dalam menggalakkan interaksi lisan dan hubungan etnik. Perkara ini amat penting kerana menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd Puad Zarkashi (Mingguan Malaysia, 22 Ogos 2010) “*...guru opsyen tidak berapa pakar dalam bidangnya iaitu Bahasa Melayu. Itu sebabnya bila pelajar-pelajar (SJKC) ini pergi ke sekolah menengah kebangsaan, mereka terpaksa masuk kelas pemulihan sebab penguasaan Bahasa Melayu rendah...* ”. Tambah Dr. Mohd Puad lagi, “*... itu sebabnya kesan telah mula dirasai bila mereka masuk sekolah menengah penguasaan Bahasa Melayu kurang baik dan ini berlarutan hingga ke peringkat universiti dan ke alam dewasa...* ” . (Mingguan Malaysia, 22 Ogos 2010). Natijahnya, faktor bahasa boleh menentukan bagaimana corak interaksi lisan seseorang pelajar. Oleh itu, penguasaan Bahasa Melayu yang baik amat penting untuk membolehkan para pelajar berinteraksi secara lisan dan membentuk perpaduan kerana apabila perpaduan yang dibina tidak kukuh, maka akan timbul pula isu-isu yang boleh menyentuh sensitiviti semua etnik. Di dalam bilik darjah, pelajar-pelajar tidak akan berinteraksi secara lisan dengan rakan-rakan dari etnik yang lain kerana bahasa perpaduan tidak wujud di kalangan mereka. Akibatnya, mereka akan tetap berinteraksi sesama sendiri dengan menggunakan bahasa ibunda masing-masing dan melupakan terus aspek perpaduan dan hubungan etnik.





Selain daripada faktor bahasa, faktor politik juga merupakan satu halangan dalam menggalakkan interaksi lisan dan hubungan etnik seperti yang diperkatakan oleh Presiden Majlis Belia Malaysia, Mohamed Maliki Mohamad Rapiie. Beliau merujuk kepada hasrat parti berdasarkan etnik Cina iaitu Malaysian Chinese Association (MCA) yang memohon peruntukan sebanyak RM1 bilion bagi menampung kos pembangunan dan operasi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Malaysia dengan mengatakan “*...tuntutan tersebut jelas bertentangan dan tidak selari dengan hasrat untuk memupuk semangat perpaduan menerusi sistem pendidikan...*” (Utusan Malaysia, 10 Julai 2010). Jelas sekali, jika tuntutan ini dipenuhi, jurang hubungan etnik yang sedia ada akan melebar dan sukar untuk mencapai hasrat perpaduan kaum kerana pelajar etnik Cina akan terus ‘berkubu’ di SJKC dan sukar untuk bergaul dengan para pelajar dari etnik yang lain. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk melihat persekitaran sosial secara semula jadi iaitu sama ada interaksi lisan dan hubungan etnik di sekolah rapat atau tidak. Oleh yang demikian, fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti apa yang berlaku di sekolah dan bukannya menyelesaikan masalah. Ini adalah selari dengan dapatan kajian Amir Hasan (2004) yang menyatakan bahawa terdapat pengelompokan etnik di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan harus ada kajian yang perlu dilakukan di peringkat sekolah (menengah) untuk mengenal pasti sama ada perkara yang sama turut berlaku.





1.4 Objektif Kajian

Kajian mengenai hubungan etnik dan interaksi lisan pelajar Tingkatan Satu ini dilaksanakan berdasarkan objektif-objektif berikut:

1.4.1 Untuk mengenal pasti pola interaksi lisan di kalangan pelajar Tingkatan Satu yang pelbagai etnik.

1.4.2 Untuk mengenal pasti faktor-faktor di dalam sekolah yang mempengaruhi hubungan etnik dan interaksi lisan para pelajar.

1.4.3 Untuk mengenal pasti faktor-faktor di luar sekolah yang mempengaruhi hubungan etnik dan interaksi lisan para pelajar.

1.4.4 Untuk mengenal pasti peranan guru dalam hubungan etnik dan interaksi lisan para pelajar di sekolah.



1.5 Soalan-soalan Kajian

1.5.1 Bagaimakah pola interaksi lisan di kalangan pelajar Tingkatan Satu yang pelbagai etnik?

1.5.2 Apakah faktor-faktor di dalam sekolah yang mempengaruhi hubungan etnik dan interaksi lisan para pelajar?

1.5.3 Apakah faktor-faktor di luar sekolah yang mempengaruhi hubungan etnik dan interaksi lisan para pelajar?

1.5.4 Apakah peranan guru dalam hubungan etnik dan interaksi lisan para pelajar di sekolah?





1.6 Signifikan Kajian

1.6.1 Sebagai sebuah negara berbilang etnik, isu perpaduan akan terus menjadi agenda penting pada setiap masa. Oleh itu adalah perlu untuk mengkaji isu ini dan mencari langkah-langkah terbaik bagi mengukuhkan perpaduan agar keharmonian negara akan terus terpelihara.

1.6.2 Kajian di peringkat sekolah (akar umbi) ini akan memberi gambaran jelas kepada semua pihak tentang kesan-kesan yang berlaku dalam masyarakat akibat daripada dasar-dasar perpaduan dalam pendidikan yang telah dilaksanakan.


1.6.3 Kajian ini dapat menjelaskan sama ada masih terdapatkah jurang dalam interaksi antara etnik yang boleh menjelaskan hasrat ustaz kerajaan untuk menyatupadukan rakyat.

1.6.4 Kajian ini bertujuan untuk meneruskan langkah dalam mengembangkan kajian-kajian ilmiah berteraskan teori sosiologi pendidikan, khasnya dalam bidang hubungan etnik.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



Merujuk kepada kerangka konseptual kajian ini, persoalan dasarnya ialah untuk mengenal pasti bentuk interaksi lisan dan hubungan etnik yang wujud di kalangan para pelajar Tingkatan Satu yang berasal dari etnik yang berbeza. Mereka belajar di



dalam kelas yang sama tetapi aspek hubungan etnik, interaksi secara lisan dan perpaduan kaum tidak dipaparkan dengan jelas. Mereka masih sentiasa berada di dalam kelompok etnik sendiri kerana pengalaman belajar selama enam tahun di sekolah rendah dengan rakan-rakan dari majoriti etnik yang sama tidak memungkinkan mereka bergaul dengan pelajar-pelajar dari etnik yang lain. Selain daripada itu, faktor bahasa juga memainkan peranan dalam proses interaksi lisan. Para pelajar bukan Melayu menghadapi kesukaran untuk berinteraksi secara lisan dengan pelajar Melayu kerana mereka menggunakan bahasa ibunda yang berbeza. Pelbagai maksud dan tafsiran yang salah boleh berlaku di dalam proses ini. Sebagai langkah mengatasinya, para pelajar aliran Cina dan Tamil yang tidak boleh bertutur di dalam Bahasa Melayu dan tidak mendapat gred pencapaian minimum dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) akan dikehendaki memasuki Kelas Peralihan selama satu tahun di sekolah menengah sebelum mereka boleh meneruskan



persekolahan di Tingkatan Satu.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Untuk memahami masalah di atas, kajian ini melihat proses interaksi lisan yang berlaku di dalam bilik darjah sewaktu para pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran. Adakah mereka akan cuba mengatasi halangan bahasa dengan menggunakan cara mereka sendiri atau adakah faktor-faktor dalam dan luaran sekolah memainkan peranan dalam mempengaruhi interaksi lisan pelajar. Faktor-faktor inilah yang memainkan peranan yang penting dalam menentukan corak interaksi lisan para pelajar. Kerangka konsep kajian ini melihat faktor-faktor yang berkaitan dengan permasalahan kajian dan mengenal pasti peranan guru-guru di dalam aspek hubungan etnik dan interaksi lisan di kalangan pelajar. Oleh yang demikian, fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk interaksi lisan di





kalangan pelajar dan dalam jangka waktu yang panjang, cuba mengukuhkan hubungan etnik dan perpaduan di peringkat sekolah menengah. Jika diteliti, kelima-lima kotak mempunyai anak panah yang menuju ke kotak utama di atas yang merupakan inti kepada kajian ini iaitu kajian kes mengenai interaksi lisan dan hubungan etnik pelajar Tingkatan Satu. Ini bermaksud, kesemua aspek yang melingkari isu ini akan dirungkai untuk mendapat satu pemahaman yang jelas. Dua kotak mengenai teori yang digunakan dalam kajian ini akan membawa kepada tiga persoalan dalam kotak-kotak di bawah iaitu tentang fenomena sosial, isu dan cara data dikumpul. Ketiga-tiga persoalan mempunyai penjelasan tersendiri dan berdasarkan teori yang digunakan, ia akan menuju ke kotak paling atas dalam mengenal pasti bentuk interaksi lisan dan hubungan etnik yang terhasil.



Dari segi istilah, interaksi bermaksud tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, atau satu tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Lisan pula memberi makna sebagai sesuatu yang diucapkan atau sesuatu yang disebut dengan mulut, yakni sesuatu yang tidak ditulis. Seterusnya, hubungan dierangkan sebagai hubungan sosial yang terjalin antara anggota masyarakat yang berlainan keturunan atau bangsa dalam sesebuah masyarakat atau negara. Ia juga membawa maksud amalan menjalankan, atau menggalakkan, atau memupuk semangat muhibah dan kemesraan. Etnik pula bermakna bangsa manusia yang membentuk masyarakat majmuk dan mempunyai kelompok hidup tersendiri dalam sesebuah negara. Dalam konteks kajian ini, interaksi lisan bermaksud satu bentuk tindak balas dalam perhubungan yang memerlukan





pengucapan dari mulut antara dua atau beberapa orang pelajar untuk membina perhubungan aktif. Hubungan etnik pula diertikan sebagai satu hubungan sosial yang terjalin antara pelajar-pelajar yang berlainan bangsa dan mempunyai kelompok masing-masing untuk menggalakkan semangat muhibah dan kemesraan, terutamanya di dalam bilik darjah.

Ras dan etnik pula adalah dua perkara yang berbeza. Menurut Newman (2006), ras ialah kategori individu yang dilabel dan dianggap sebagai sama berdasarkan ciri-ciri biologikal seperti warna kulit, warna dan jenis rambut, bentuk hidung dan mata atau bentuk kepala. Secara amnya, manusia yang diletakkan di dalam kategori ras yang sama akan mempunyai tingkah laku, ciri-ciri psikologikal dan personaliti yang sama dan berkait rapat dengan persamaan fizikal. Bagi Rodriguez & Cordero-Guzman, (2004), ras dilihat sebagai satu pembentukan kategori di mana kepelbagaiannya dalam ragam dan warna dalam norma-norma dan pengelasan yang boleh berubah, sama seperti perubahan keadaan sosioekonomi. Henslin (2007) pula mendefinisikan ras sebagai sekumpulan manusia dengan ciri-ciri fizikal yang diwarisi dan ini membezakan mereka dengan kumpulan manusia lain. Takrifan yang hampir sama juga diberikan oleh Schaefer (2009) yang menyatakan ras sebagai sekumpulan manusia yang diasingkan kerana mempunyai perbezaan fizikal dengan orang lain. Macionis (2007) menyatakan bahawa ras ialah satu kategori sosial manusia yang berkongsi tret biologikal yang sama dan diwarisi serta dirasakan penting oleh ahli-ahli sesuatu masyarakat. Hill (2002) merujuk ras sebagai pandangan orang-orang kulit putih yang melihat orang-orang kulit hitam sebagai mereka yang mempunyai kulit yang lebih hitam dari orang-orang kulit hitam itu sendiri. Bagi Kendall (2007), ras ialah satu klasifikasi atau kumpulan manusia yang berasaskan variasi genetik dalam





penampilan fizikal, khasnya warna kulit manakala menurut Brym & Lie (2006), ras ialah satu kategori manusia yang mempunyai tanda-tanda fizikal yang sama.

Etnik pula membezakan manusia dari segi ciri-ciri bukan biologikal seperti berkongsi asal keturunan, kebudayaan seperti kepercayaan dan adat resam, sejarah, bahasa serta ciri-ciri budaya yang lain. Menurut Schaefer (2009), etnik ialah kumpulan manusia yang berbeza dengan kumpulan lain kerana mereka berasal dari negara yang sama atau mempunyai corak budaya yang sama. Bagi Henslin (2007), etnik merupakan identiti sesuatu kaum yang mempunyai ciri-ciri warisan budaya atau keturunan nenek moyang yang sama Macionis (2007) mendefinisikan etnik sebagai warisan budaya yang dikongsi dalam sesuatu kumpulan manusia. Takrifan yang sedikit berbeza diberikan oleh Camara (2000) dan Brodkin (2007) di mana mereka mengatakan bahawa etnik ialah perkongsian budaya dan hanya penting jika sesuatu masyarakat itu menganggapnya begitu. Satu lagi definisi etnik telah diberikan oleh Feagin & Feagin (2003) di mana mereka menyatakan bahawa etnik ialah satu koleksi manusia yang diasangkan, sama ada oleh orang lain atau mereka sendiri, atas dasar persamaan ciri-ciri kerakyatan atau budaya. Brym & Lie (2006) pula mendefinisikan etnik sebagai satu kategori manusia yang mempunyai tanda-tanda budaya yang sama. Oleh itu, berdasarkan kepada definisi-definisi yang digunakan serta latar belakang sejarah perkembangan penduduk Malaysia, perbezaan di antara kumpulan-kumpulan etnik di negara ini adalah berdasarkan kepada ciri-ciri kebudayaan. Justeru, kajian ini akan bersandarkan kepada dasar bahawa masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik.





Menurut Azizul Azman Othman (1995), integrasi ialah satu proses penerapan ciri-ciri pelbagai kumpulan yang mempunyai perbezaan kebudayaan dan sosial di dalam satu sistem wilayah bagi mewujudkan identiti nasional. Integrasi kaum adalah lahir daripada masyarakat yang terdiri daripada individu yang hidup berbilang etnik dan latar belakang serta berbeza keturunan tapi bersatu padu dan setia serta dedikasi sepenuhnya kepada negara Malaysia (Wan Zahid Mohd Nordin, 2000). Bagi Sufian Hussein (1996) pula, integrasi membawa maksud menyatukan entiti-entiti atau komponen-komponen yang terasing pada asalnya pada bentuk lain yang tersendiri.

Istilah etnik berasal dari perkataan Yunani iaitu *ethnos* yang bermaksud kumpulan manusia atau bangsa. Ia merujuk kepada pengenalan diri seseorang ke dalam kumpulan yang mempunyai latar belakang keturunan nenek moyang yang sama (Amir Hasan, 2006). Mereka mempunyai kesamaan dari segi sejarah, negara asal, bahasa, tradisi, budaya, struktur dan sistem nilai. Perasaan kekitaan dalam kumpulan etnik berkembang menerusi hubungan kekeluargaan, rakan-rakan dan kejiranan yang berkongsi ciri-ciri kehidupan yang karib. Kumpulan etnik sememangnya membantu mengekalkan pertalian kumpulan dan mengukuhkan kedudukan etnik berkenaan dalam masyarakat. Di Malaysia, komposisi penduduk yang pelbagai etnik telah menjadi signifikan sejak zaman kolonial Inggeris lagi. Ting (1987) merujuk istilah etnisiti sebagai rasa kekitaan sesuatu kumpulan etnik tertentu. Ia bererti wujudnya satu kebudayaan atau sub-budaya yang jelas di mana anggotanya merasa disatukan dengan satu sejarah, nilai, sikap dan tingkah laku. Ahli-ahli sosiologi seperti Shibutani & Kwan (1965) telah mendefinisikan kumpulan etnik sebagai sekumpulan manusia yang menganggap diri mereka sebagai kumpulan yang memiliki ciri-ciri yang sama. Ciri-ciri yang sama itu bukan sahaja disebabkan oleh keturunan, kebenaran atau





kepercayaan mereka, malah turut diiktiraf oleh orang ramai. Ting (1987) juga mengulas lanjut hal ini dengan mengatakan bahawa kumpulan etnik sering berbeza dalam ciri-ciri budaya seperti adat resam, pola keluarga, pakaian, orientasi politik, kegiatan ekonomi dan pola hiburan. Schermerhorn (1970) pula berpendapat bahawa kumpulan etnik merupakan sebuah masyarakat yang hidup bersama. Mereka memiliki persamaan dari segi kebenaran, keturunan, mengingati sejarah lampau dan berfokuskan kebudayaan. Berdasarkan kepada definisi-definisi tadi, didapati bahawa faktor budaya dan fizikal merupakan elemen penting dalam mengandaikan bahawa sesuatu kumpulan etnik itu mempunyai keturunan yang sama.

Rasisme adalah satu kepercayaan bahawa manusia dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang berbeza dari segi tingkah laku sosial dan mental serta keupayaan fizikal yang memberi gambaran bahawa satu-satu ras itu lebih baik dan hebat daripada ras-ras yang edar lain (Marger, 1994). Rasisme boleh ditonjolkan secara peribadi melalui perlakuan, dalam bentuk bahasa (komunikasi) mahu pun secara ideologi. Bagi Miles (1989), rasisme ialah satu ideologi atau cara berfikir yang membenarkan layanan tidak adil. Secara ilmiahnya, Miles mendefinisikan rasisme sebagai ideologi yang mengagungkan bahawa satu-satu ras itu lebih mulia berbanding ras yang lain. Bagi manusia yang rasis, mereka merasakan bahawa konsep ras itu adalah sangat bermakna secara biologikal dan ras sangat berkaitan dengan kebolehan (Ezekiel, 1995). Etnosentrisme pula ialah satu kecenderungan untuk menilai orang lain dengan menggunakan nilai ukuran satu-satu kumpulan tertentu (Henslin, 2007). Dalam erti kata lain, etnosentrisme merujuk kepada kecenderungan untuk mendahulukan kepentingan sendiri atau satu-satu kumpulan dengan tidak mempedulikan orang lain. Etnosentrisme mempunyai kesan-kesan baik dan tidak



baik. Yang baik tentang entosentrisme ialah ia mewujudkan perasaan bangga, mengukuhkan semangat kekitaan dan kesetiaan dalam satu-satu kumpulan manakala yang tidak baiknya ialah ia boleh menjurus kepada diskriminasi terhadap orang-orang yang tidak sehaluan dengan kumpulan tersebut.

1.9 Rumusan

Interaksi lisan dan hubungan etnik di sekolah yang terbina dalam masyarakat majmuk, amat penting untuk dipupuk, dipelihara dan diteguhkan agar negara akan terus mengalami iklim sosial yang harmoni. Bab 1 ini telah memberi pendedahan awal tentang latar belakang, permasalahan dan objektif kajian. Soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian ini juga telah disentuh, termasuklah signifikan kajian ini bagi mendalami perkara yang menjadi fokus. Penjelasan telah diberikan tentang relevannya kajian ini bagi mengenal pasti bentuk interaksi lisan yang berhasil dan ia disokong oleh teori-teori yang mendasari kajian ini seperti yang telah ditunjukkan dalam kerangka konseptual. Konsep dan istilah juga telah diperincikan bagi memberi kefahaman yang lebih dan untuk memastikan semua istilah yang digunakan adalah tepat. Setiap pecahan topik dalam bab ini disusun agar ia menepati aliran idea yang konsisten. Pecahan-pecahan topik tersebut telah dikupas dengan memberi maklumat yang jelas dan seterusnya membawa idea-idea kajian ke lapangan untuk dilaksanakan. Butiran lebih lanjut, terutamanya tentang teori dan kajian lepas, bakal dibincangkan di dalam Bab 2.